AWAN LELA SDN BHD

lwn.

AIDA TAJRINA MOHAMED TAHIR

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, KUALA LUMPUR
ASMABI MOHAMAD PK
[GUAMAN SIVIL NO: S-22-16-2009]
8 APRIL 2013

KONTRAK: *Kemungkiran - Pembatalan - Perjanjian pelaburan - Sama ada terdapat kemungkiran terma perjanjian - Sama ada perjanjian pelaburan bercanggah dengan peruntukan nyata undang-undang - Sama ada wujud balasan yang dilarang oleh undang-undang - Sama ada perjanjian pelaburan wajar dikuatkuasakan*

KONTRAK: *Pembentukan - Balasan - Perjanjian pelaburan antara plaintif dan defendan - Sama ada wujud balasan yang dilarang oleh undang-undang - Jika balasan akan menggagalkan objek undang-undang dan bertentangan dengan polisi awam - Sama ada perjanjian pelaburan sah dan wajar dikuatkuasakan*

KONTRAK: *Terma-terma - Perjanjian - Perjanjian pelaburan - Sama ada melibatkan penyerahan penuh operasi dan pengurusan perniagaan - Sama ada wujud suatu penyerahan hak - Sama ada tindakan pihak-pihak mematuhi peruntukan s. 6 Akta Kemajuan Petroleum 1974*

Defendan merupakan seorang pengusaha Stesyen Minyak Shell di Bandar Sri Permaisuri, manakala PW1, pengarah urusan plaintif, adalah pengusaha Stesyen Minyak Shell di Sungai Long. Pada sekitar tahun 2008, defendan, yang menghadapi masalah kewangan, meminta bantuan PW1 untuk meringankan bebanannya. Hasil perbincangan antara PW1 dan defendan, PW1 bersetuju untuk melabur sejumlah RM1,354,005.20 dalam perniagaan Stesyen Minyak Shell defendan, yang diikuti dengan penyempurnaan satu perjanjian pelaburan bertarikh 16 Ogos 2008 ('perjanjian pelaburan tersebut') antara plaintif dan defendan. Selaras dengan Perjanjian Lesen Peruncit Shell bertarikh 1 Januari 2007 (Shell Retailer Licence Agreement ('RELA')), defendan diberikan kebenaran untuk menjalankan perniagaan di Stesyen Minyak Shell defendan mulai 1 Januari 2004 hingga 31 Disember 2008. Selaras dengan perjanjian pelaburan tersebut, defendan bertanggungjawab memperoleh apa-apa kelulusan dan lesen bagi operasi Stesyen Minyak Shell defendan. Walau bagaimanapun, defendan telah gagal memperbaharui lesen bagi operasi Stesyen Minyak Shell defendan

yang tamat pada 31 Disember 2008 daripada Kementerian Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna ('Kementerian'). Oleh itu plaintif telah mengeluarkan notis bagi penamatan perjanjian pelaburan tersebut dan memulakan suatu tindakan terhadap defendan berasaskan kemungkiran kontrak yang dimasuki antara plaintif dan defendan. Defendan mempertikaikan tuntutan plaintif dan mendakwa bahawa perjanjian pelaburan tersebut tidak boleh dikuatkuasakan kerana perjanjian pelaburan tersebut merupakan suatu penyerahan hak yang menyalahi dan bercanggah dengan syarat pelesenan Shell yang dikeluarkan di bawah Akta Kemajuan Petroleum 1974 ('AKP') dan juga Peraturan-Peraturan Petroleum 1974. Defendan juga mendakwa bahawa dia tidak bertanggungan di bawah perjanjian pelaburan tersebut kerana plaintif sendiri telah memungkiri terma-terma di bawah perjanjian pelaburan tersebut. Defendan, oleh itu, menuntut balas memohon satu deklarasi bahawa perjanjian pelaburan adalah batal dan tidak sah, ganti rugi kehilangan pendapatan dan supaya plaintif menyerahkan akaun keluar masuk selepas 16 Ogos 2008 sehingga lesen Shell tersebut ditamatkan. Antara isu yang dibangkitkan untuk pertimbangan mahkamah adalah: (i) sama ada perjanjian pelaburan sah dan boleh dikuatkuasakan; (ii) sama ada perjanjian pelaburan merupakan suatu penyerahan hak mutlak dan/atau penjualan terus Stesyen Minyak Shell kepada plaintif; (iii) sama ada terdapat kemungkiran terma perjanjian pelaburan oleh plaintif; dan (iv) sama ada plaintif berhak kepada ganti rugi.

Diputuskan (menolak tuntutan plaintif terhadap defendan dengan kos; menolak tuntutan balas defendan dengan kos):

(1) Perjanjian pelaburan tersebut melibatkan penyerahan sepenuhnya operasi dan pengurusan perniagaan Stesyen Minyak Shell defendan kepada plaintif seolah-olah lesen tersebut dan/atau kebenaran menurut s. 6(3) AKP yang dikeluarkan oleh Kementerian Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna atas nama plaintif. Peranan defendan hanya melakukan perkara-perkara yang tidak boleh dilakukan oleh plaintif kerana lesen dan/atau kebenaran untuk menjalankan perniagaan tersebut adalah di bawah nama defendan. Berdasarkan kepada klausa-klausa perjanjian pelaburan, jelas bahawa plaintif telah mengambil alih operasi Stesyen Minyak Shell tersebut secara mutlak daripada, defendan, dan dengan, itu wujud suatu penyerahan hak defendan di bawah RELA kepada plaintif. (perenggan 38)

(2) Tiada keterangan bahawa kebenaran bertulis dikeluarkan oleh Shell kepada defendan untuk defendan menyerahkan hak lesen dan/atau kebenaran yang dikeluarkan itu kepada plaintif seperti yang termaktub dalam perjanjian pelaburan tersebut. Tindakan pihak-pihak dalam perjanjian pelaburan tersebut bercanggah dengan peruntukan s. 6 AKP yang memerlukan sesiapa yang hendak menjalankan perniagaan untuk memasarkan atau mengedar petroleum atau produk petro-kimia memperoleh kelulusan dan atau kebenaran bertulis daripada YAB Perdana Menteri. (perenggan 41-43)

(3) Perjanjian pelaburan tersebut bercanggah dengan peruntukan nyata di bawah undang-undang dan juga RELA. Perjanjian pelaburan tersebut juga bertentangan dengan s. 24 Akta Kontrak 1950 (a), (b) dan (c) kerana bagi tujuan perjanjian pelaburan tersebut wujud balasan yang dilarang oleh undang-undang dan/atau balasannya dalam bentuk, jika dibenarkan, akan menggagalkan objek undang-undang dan juga bertentangan dengan polisi awam. Oleh itu, perjanjian pelaburan adalah tidak sah, terbatal dan tidak sewajarnya dikuatkuasakan oleh mahkamah. (perenggan 47-48)

(4) Walaupun terdapat sesuatu penyerahan hak Stesyen Minyak Shell defendan kepada plaintif, penyerahan hak itu tidak sah dan tidak dapat dikuatkuasakan. (perenggan 51)

(5) Berdasarkan keterangan, jelas didapati bahawa jumlah pelaburan di bawah perjanjian pelaburan tersebut ialah RM1,354,005.20. Namun begitu plaintif mengakui hanya membayar RM971,119.67 sahaja kepada defendan. Jumlah ini bercanggah dengan perkara yang diplidkan plaintif. Plaintif juga gagal menunjukkan melalui keterangan dokumentar bahawa jumlah sebanyak RM971,119.67 telah dibayar kepada defendan. Kegagalan plaintif menyelesaikan jumlah pelaburan bernilai RM1,354,005.20 kepada defendan dengan jelas menunjukkan plaintif sendiri telah memungkiri obligasinya di bawah perjanjian pelaburan dan dengan itu tidak datang ke mahkamah 'with clean hands'. (perenggan 57)

(6) Plaintif telah melakukan beberapa pelanggaran obligasi di bawah perjanjian pelaburan di mana plaintif gagal menjalankan operasi Stesyen Minyak Shell defendan di lokasi tersebut dengan baik

A sehingga menyebabkan pihak Shell membuat teguran dan amaran. Selanjutnya, kemungkiran plaintif memulihkan atau meremedi teguran Shell dengan jelas menunjukkan plaintif sendiri yang memungkiri perjanjian pelaburan tersebut. (perenggan 59-61)

B

(7) Undang-undang memerlukan plaintif membuktikan kerugiannya di mahkamah dan tidak mencukupi bagi plaintif menyebut atau menyatakan plaintif mengalami kerugian tanpa membuktikan kerugian sebenarnya melalui keterangan dokumentar atau
C keterangan saksi (*Bonham-Carter v. Hyde Park Hotel*). Secara keseluruhannya plaintif telah gagal membuktikan bahawa plaintif berhak untuk ganti rugi yang dipohonnya. (perenggan 65)

Kes-kes yang dirujuk:

Arab-Malaysian Merchant Bank Berhad v. Boustead Trading (1985) Sdn
D *Bhd [1993] 1 LNS 11 HC* ***(refd)***

Bonham-Carter v. Hyde Park Hotel [1948] WN 89 ***(refd)***

Chung Khiaw Bank Ltd v. Hotel Rasa Sayang Sdn Bhd & Anor [1990] 1 CLJ 675; [1990] 1 CLJ (Rep) 57 SC ***(refd)***

Kapt (B) Mohamad Ismail lwn. Perwira Affin Bank Bhd [1999] 4 CLJ 199
E *HC* ***(refd)***

Khaw Poh Chhuan v. Ng Gaik Peng (f) & Yap Wan Chuan & 9 Ors [1996] 2 CLJ 185 SC ***(refd)***

Letrik Bandar Hup Heng Sdn Bhd v. Wong Sai Hong [2002] 5 CLJ 170 HC ***(refd)***

Mustafa Osman v. Lee Chua (P) [1996] 3 CLJ 494 CA ***(refd)***

F *Pentadbir Tanah Daerah Petaling v. Swee Lin Sdn Bhd [1999] 3 CLJ 577 CA* ***(refd)***

Sababumi (Sandakan) Sdn Bhd v. Datuk Yap Pak Leong [1998] 3 CLJ 503 FC ***(refd)***

Sunlite Textile Sdn Bhd v. Motilal Realty Sdn Bhd [2008] 7 CLJ 97 HC
G ***(refd)***

Tahan Steel Corporation Sdn Bhd v. Bank Islam Malaysia Bhd [2012] 1 CLJ 959 CA ***(refd)***

Perundangan yang dirujuk:

Civil Law Act 1956, s. 4(3)

H Contracts Act 1950, s. 24(a), (b), (c)

Petroleum Development Act 1974, ss. 6(3), (5), 7

Bagi pihak plaintif - Ramesh Kanapathy; T/n Chellam Wong

Bagi pihak defendan - Wan Rohimi Wan Daud (Asmadi Abu Bakar bersamanya); T/n Wan Rohimi & Asmadi

I

Dilaporkan oleh Emm Zehra

PENGHAKIMAN

Asmabi Mohamad PK:

Pengenalan

[1] Plaintif telah memulakan suatu tindakan terhadap defendan berasaskan kemungkiran kontrak yang dimasuki di antara plaintif dan defendan bertarikh 16 Ogos 2008 ("perjanjian pelaburan tersebut"). Melalui writ saman dan pernyataan tuntutan masing-masingnya bertarikh 12 Januari 2009 dan 9 Januari 2009 ("pernyataan tuntutan") plaintif menuntut daripada defendan antaranya, wang berjumlah RM2,777,061.93, faedah dan kos bagi tindakan ini.

[2] Defendan mempertikaikan tuntutan plaintif dan mendakwa perjanjian tersebut tidak boleh dikuatkuasakan kerana perjanjian tersebut merupakan suatu penyerahan hak yang menyalahi dan bercanggah dengan syarat pelesenan Shell yang dikeluarkan di bawah Akta Kemajuan Petroleum 1974 ("AKP") dan juga Peraturan-Peraturan Petroleum 1974. Defendan juga mendakwa bahawa beliau tidak bertanggungan di bawah perjanjian tersebut kerana plaintif sendiri telah memungkiri terma-terma di bawah perjanjian tersebut. Dalam pembelaan dan tuntutan balasnya defendan memohon antaranya, suatu deklarasi bahawa perjanjian tersebut sebagai batal dan tidak sah, ganti rugi kehilangan pendapatan bagi tempoh mulai 16 Ogos 2008 hingga 31 Disember 2011 yang hendak ditaksirkan oleh mahkamah, plaintif menyerahkan akaun keluar masuk selepas 16 Ogos 2008 sehingga lesen Shell tersebut ditamatkan, kos dan faedah.

[3] Setelah mendengar keterangan dua orang saksi bagi pihak plaintif iaitu Raja Norasmah binti Raja Shahrom Saidee Nazri ("PW1") dan seorang lagi bernama Mohd Fairuz bin Mohd Yusof ("PW2") dan juga keterangan defendan sendiri ("DW1") dan setelah mendengar penghujahan oleh kedua-dua peguambela plaintif dan defendan yang bijaksana pada 30 November 2012, mahkamah telah menolak tuntutan plaintif terhadap defendan dengan kos atas alasan plaintif gagal membuktikan kesnya atas imbangan kebarangkalian. Pada masa yang sama mahkamah juga telah menolak tuntutan balas defendan dengan kos atas alasan yang sama.

[4] Plaintif yang tidak berpuas hati dengan keputusan ini telah memfailkan rayuan ke Mahkamah Rayuan Malaysia terhadap keseluruhan keputusan tersebut.

[5] Memandangkan ini merupakan rayuan yang difailkan oleh plaintif dan tiada rayuan difailkan oleh defendan terhadap keputusan mahkamah tersebut alasan penghakiman ini hanya menumpukan pada tuntutan plaintif terhadap defendan sahaja.

Dokumen-Dokumen

[6] Bagi tujuan perbicaraan ini, pihak-pihak juga bersetuju supaya Bahagian A dan B dokumen bertanda "B1", "B2" dan "B3" diterima keasliannya tetapi kandungannya tertakluk kepada pembuktian dan soal balas. Pihak-pihak juga bersetuju supaya dokumen-dokumen yang dirujuk tidak ditandakan sebagai ekshibit tetapi sekadar merujuk kepada muka surat yang relevan dalam ikatan dokumen tersebut. Dokumen yang dirujuk adalah seperti yang berikut:

	Dokumen	Penandaan
i.	Ikatan Pliding	"A"
ii.	Ikatan Dokumen (Bahagian A)	"B1"
iii.	Ikatan Dokumen (Bahagian B)	"B2"
iv.	Ikatan Dokumen (Bahagian C)	"B3"
v.	Isu-isu Untuk Dibicarakan	"C"
vi.	Fakta-Fakta Yang Dipersetujui	"D"
vii.	Ucapan Pembukaan Plaintif	"E"

Isu-Isu Untuk Dibicarakan

[7] Isu-isu untuk penentuan mahkamah ialah sebagaimana yang terkandung dalam dokumen bertanda "C". Bagi tujuan memudahkan rujukan, saya perturunkan isu-isu tersebut seperti yang berikut:

(i) Sama ada defendan ialah pihak yang meminta plaintif untuk melabur dalam perniagaan defendan untuk tujuan meningkatkan prestasi perniagaan defendan;

(ii) Sama ada terma-terma Shell Retailer Licence Agreement bertarikh 1 Januari 2007 di antara pihak Shell dan pihak defendan membenarkan defendan menyerah hak, melesenkan kepada mana-mana pihak tanpa kelulusan bertulis pihak Shell;

(iii) Sama ada plaintif diberi kuasa dan berhak mengambil alih pengurusan dan operasi Stesyen Minyak Shell secara unilateral ataupun secara persetujuan daripada milikan defendan tersebut menurut perjanjian defendan dengan pihak Shell;

(iv) Walaupun plaintif tidak mempunyai pengetahuan mengenai surat bertarikh 15 Disember 2008 daripada Shell kepada defendan, sama ada dakwaan-dakwaan mengenai pelanggaran syarat-syarat berkenaan dengan pengurusan dan operasi Stesyen Minyak Shell di bawah milikan defendan adalah benar;

(v) Sama ada defendan telah mengambil langkah atau tindakan untuk memohon dan/atau memperbaharui kelulusan di bawah No. PDA 024079 bertarikh 5 Februari 2004 untuk mengekalkan perniagaan stesyen minyak secara sempurna;

(vi) Sama ada plaintif berhak membatalkan perjanjian pelaburan tersebut serta-merta melalui notis kepada defendan akibat daripada kegagalan defendan mengambil langkah atau tindakan untuk memohon dan/atau memperbaharui kelulusan di bawah No. PDA 024079 bertarikh 5 Februari 2004 tersebut;

(vii) Sama ada wang sebanyak RM69,041.53 dikeluarkan oleh defendan tanpa mengakur kepada terma-terma kl. 2.4 dan kl. 5.2(a) dalam perjanjian pelaburan adalah digunakan untuk membayar pembekal-pembekal perniagaan Stesyen Minyak Shell;

(viii) Sama ada plaintif berhak menuntut kembali terhadap defendan keseluruhan wang pelaburan berjumlah RM1,354,005.20;

(ix) Sama ada plaintif berhak menuntut kembali terhadap defendan keseluruhan wang penalti berjumlah RM1,354,005.20;

(x) Akibat daripada persetujuan defendan berdasarkan kl. 2.4 dan kl. 5.2(a) perjanjian pelaburan, sama ada plaintif berhak untuk menerima kesemua jumlah penerimaan (receivables) dan manfaat yang diterima oleh defendan dalam urusan perniagaannya di Stesyen Minyak Shell.

Kes Untuk Plaintif

Pemeriksaan Awal

[8] Dalam perbicaraan di hadapan saya, plaintif diwakili oleh pengarah urusannya, Raja Norasmah binti Raja Shahrom Saidee Nazri ("PW1"). Menurut PW1, beliau mengenali defendan pada awal tahun 2004. Pada masa berkenaan, defendan merupakan seorang pengusaha Stesyen Minyak Shell di No. 7 Lot 52289, Bandar Sri Permaisuri, 56000 Kuala Lumpur ("stesyen minyak defendan"). PW1 pula selaku pengusaha Stesyen Minyak Shell di Sungai Long.

[9] Pada sekitar tahun 2008 ketika plaintif berada di Melbourne, Australia, defendan ada menghubungi PW1 dan menyatakan beliau mengalami masalah kewangan dan ingin memohon bantuan PW1 bagi meringankan bebanannya. PW1 memaklumkan beliau akan cuba membantu dan meminta defendan menghubungi seorang lagi pengarah plaintif bernama Mohd Fairuz bin Mohd Yusof ("PW2").

[10] Apabila PW1 pulang ke Malaysia, PW1 telah berjumpa dengan defendan bagi membincangkan cara untuk membantu defendan mengatasi masalah kewangannya. Hasil perbincangan, PW1 bersetuju untuk melabur sejumlah RM1,354,005.20 dalam perniagaan Stesyen Minyak Shell defendan. Ini diikuti dengan penyempurnaan suatu perjanjian pelaburan bertarikh 16 Ogos 2008 di antara plaintif dan defendan (ms. 1-16 Dokumen "B2").

[11] Menurut PW1, jumlah keseluruhan pelaburan plaintif di bawah perjanjian pelaburan tersebut ialah sebanyak RM971,119.67. maklumat lengkapnya ialah seperti yang berikut:

(i) Pembayaran berjumlah RM369,646.20 melalui Banker's Cheque No: 001781 kepada Shell sebagai jaminan;

(ii) Pembayaran berjumlah RM7,500 ke dalam akaun simpanan tetap defendan di Ambank sebagai "sinking fund";

(iii) Pembayaran berjumlah RM174,910.83 melalui Banker's Cheque No: 001780 kepada Shell bagi bekalan minyak petrol;

(iv) RM305,000 selaku pinjaman peribadi;

(v) RM1,500 bagi perbelanjaan mobilisasi;

(vi) RM16,358.40 bayaran tertunggak;

(vii) RM3,737.50 deposit untuk utiliti;

(viii) RM72,466.74 bagi bekalan; dan

(ix) RM20,000 untuk barangan dan minyak pelincir.

[12] Selaras dengan Perjanjian Lesen Peruncit Shell bertarikh 1 Januari 2007 ("Shell Retailer Licence Agreement (RELA)") (ms. 44-69 Dokumen "B2"), defendan diberi kebenaran untuk menjalankan perniagaan di Stesyen Minyak Shell defendan mulai 1 Januari 2004 hingga 31 Disember 2008 (ms. 16 Dokumen "B2"). Oleh kerana kelulusan diberi atas nama defendan, defendan mempunyai tanggungjawab memperbaharui lesen dan/atau kelulusan bagi Stesyen Minyak Shell tersebut.

[13] Selaras dengan kl. 4.1 perjanjian pelaburan tersebut, defendan mempunyai tanggungjawab bagi memperoleh apa-apa kelulusan dan lesen bagi operasi Stesyen Minyak Shell defendan. Menurut kl. 5.2(b)(i) perjanjian pelaburan tersebut dan bagi tujuan menjalankan perniagaan di bawah perjanjian pelaburan tersebut, defendan mempunyai tanggungjawab pada setiap masa untuk mengekal, mematuhi, memperbaharui, melaksanakan semua kelulusan dan mematuhi semua syarat dan penetapan dalam kelulusan yang diberi sama ada oleh pihak berkuasa yang mengawal selia industri minyak petrol ataupun Shell.

[14] Oleh kerana defendan telah gagal untuk memperbaharui lesen bagi operasi Stesyen Minyak Shell defendan yang tamat pada 31 Disember 2008 daripada Kementerian Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna ("Kementerian"), plaintif telah mengarahkan peguamcaranya untuk mengeluarkan notis bagi penamatan perjanjian pelaburan tersebut (ms. 41 Dokumen "B2").

[15] Plaintif hanya mengetahui defendan telah menamatkan perjanjian dengan Shell dan telah menutup perniagaan Stesyen Minyak Shell defendan pada 5 Januari 2009 (ms. 43 Dokumen "B2"). Plaintif menyatakan beliau telah menjalankan perniagaan di Stesyen Minyak Shell defendan secara teratur namun, defendan yang telah memungkiri terma-terma perjanjian pelaburan tersebut.

[16] Selaras dengan perjanjian pelaburan tersebut, plaintif berhak dibayar ganti rugi akibat kemungkiran terma-terma perjanjian pelaburan tersebut oleh defendan. Maklumat terperinci tuntutan plaintif ialah sebagaimana yang terkandung dalam perenggan 12 dan 13 pernyataan tuntutan.

[17] PW2 yang merupakan salah seorang pengarah plaintif mengesahkan bagaimana operasi Stesyen Minyak Shell defendan diambil alih oleh plaintif. PW2 mengesahkan aspek keterangan berhubung masalah kewangan yang dihadapi defendan dan bagaimana plaintif telah membantu defendan dalam menyelesaikan masalah tersebut termasuk menyelesaikan hutang defendan kepada "Ah Long". PW2 juga mengesahkan mengenai kewujudan perjanjian pelaburan tersebut. PW2 memberi keterangan berhubung rekod transaksi bagi pengeluaran wang tunai yang dibayar kepada defendan (ms. 17-23 Dokumen "B2"). Selain daripada itu, defendan juga ada meminta PW2 membayar wang berjumlah RM7,500 yang merupakan "sinking fund" ke dalam akaun perniagaan defendan dengan Ambank.

Soal Balas

[18] Diperturunkan di sini antara keterangan penting PW1 ketika disoal balas oleh peguambela defendan yang bijaksana bagi membolehkan keterangan plaintif dinilai secara objektif. PW1 menafikan objektif perjanjian pelaburan tersebut ialah suatu penyerahan hak secara mutlak operasi Stesyen Minyak Shell defendan dan/atau pembelian keseluruhan perniagaan Stesyen Minyak Shell tersebut oleh plaintif. Walaupun pada mulanya PW1 menafikan pengawalan dan pengawasan Stesyen Minyak Shell defendan diambil alih sepenuhnya oleh plaintif, namun apabila disoal balas secara bertubi-tubi, PW1 mengakui plaintif telah menempatkan pengurus baru di stesyen minyak tersebut bernama Mohd Azmi sebagai pengurus plaintif di Stesyen Minyak Shell defendan bagi menjalankan operasi harian perniagaan Stesyen

Minyak Shell defendan di lokasi tersebut. PW1 juga menafikan kesan perjanjian pelaburan tersebut, plaintif kini ialah pemunya *de facto* Stesyen Minyak Shell tersebut.

[19] PW1 juga mengesahkan bahawa beliau juga merupakan salah seorang pengusaha Stesyen Minyak Shellnya sendiri yang berlokasi di Lebuhraya Kuala Lumpur-Seremban. PW1 juga mengakui beliau arif mengenai terma-terma dalam RELA kerana beliau sendiri memasuki RELA dengan Shell bagi operasi Stesyen Minyak Shellnya. PW1 juga mempunyai pengetahuan terma-terma dalam RELA yang melarang penyerahan hak Stesyen Minyak Shell yang dilesenkan kepada plaintif dan/atau defendan dioperasi oleh pihak-pihak lain selain daripada pihak yang kepadanya lesen dikeluarkan tanpa suatu kebenaran bertulis daripada Shell (ms. 44-69 Dokumen "B2" khususnya di ms. 49 kl. 7.8). PW1 mengakui perjanjian pelaburan tersebut dibuat tanpa kebenaran secara bertulis Shell.

[20] PW1 juga menafikan jumlah keseluruhan bagi perjanjian pelaburan tersebut ialah sebagaimana kl. 2.2 (ms. 4 Dokumen "B2") dan/atau kl. 2.2 tersebut menghadkan tuntutan plaintif kepada perkara-perkara yang tercatit dalam klausa tersebut semata-mata. PW1 mengekalkan tuntutan yang dibenarkan dalam perjanjian pelaburan tersebut ialah sebagaimana tercatat dalam perenggan 12 dan 13 pernyataan tuntutan. PW1 mengakui plaintif hanya membayar jumlah yang dinyatakan dalam kl. 2.2(a) berjumlah RM369,646 dan bagi kl. 2.2(b) berjumlah RM174,910.83 kepada defendan yang keseluruhannya berjumlah RM544,557.03. PW1 juga menafikan telah menikmati keuntungan bagi jualan di Stesyen Minyak Shell defendan daripada bulan Ogos hingga Disember 2008 berjumlah RM5,322,547.51 sebagaimana yang dicadangkan.

[21] PW1 juga menafikan mempunyai pengetahuan mengenai lawatan oleh Pengurus Shell Kawasan bernama Soo Siew Wai yang mendapati defendan selaku pihak yang diberi kebenaran untuk menjalankan operasi di Stesyen Minyak Shell tersebut gagal melaksanakan obligasinya di bawah RELA dan/atau Shell telah memberi amaran supaya defendan mematuhi obligasinya di bawah RELA. Plaintif juga menafikan mempunyai pengetahuan, bahawa defendan dikehendaki mengemukakan jaminan tambahan berjumlah RM20,000 di samping menyuntik wang berjumlah RM415,000

sebagai modal perniagaan (working capital) ke dalam akaun bank defendan. Maklumat lengkap kemungkiran terma RELA ialah sebagaimana di ms. 71-72 Dokumen "B2". Lawatan oleh Encik Soo Siew Wai tersebut dibuat ketika plaintif menpunyai pengawalan penuh ke atas Stesyen Minyak Shell defendan.

Kes Defendan

Pemeriksaan Awal

[22] Defendan, Aida Tajrina binti Mohd Tahir ("DW1") mengakui dirinya sebagai pengusaha minyak Shell Malaysia Trading Sdn Bhd ("Shell") melalui RELA bertarikh 1 Januari 2007 (ms. 44-69 Dokumen "B2"). DW1 juga mengakui beliau ialah pemegang lesen di bawah AKP bagi menjalankan operasi Stesyen Minyak Shell yang berkuatkuasa mulai 1 Januari 2004 hingga 31 Disember 2008 (ms. 16 Dokumen "B2"). Alamat stesyen minyak tersebut ialah sama sebagaimana yang dinyatakan oleh PW1.

[23] DW1 mengakui telah bertemu dengan PW1 sebelum 16 Ogos 2008 bagi membincangkan masalah kewangan yang dihadapinya. Dalam perbincangan tersebut, PW1 telah mencadangkan bagi meringankan beban keberhutangan defendan, plaintif akan membeli secara langsung perniagaan Stesyen Minyak Shell defendan. Oleh kerana sangat terdesak, DW1 tiada pilihan tetapi bersetuju untuk memasuki perjanjian pelaburan tersebut dengan plaintif. Melalui perjanjian pelaburan tersebut, PW1 bersetuju untuk menanggung hutang lama defendan bagi harga minyak petrol dengan Shell yang masih tertunggak berjumlah RM369,000. Sementara itu defendan bersetuju untuk menyerah jaminan bank dan juga deposit bagi Select Shop.

[24] Ekoran daripada itu, defendan telah menandatangani perjanjian pelaburan tersebut yang telah disediakan oleh peguamcara plaintif dan menyerahkan Stesyen Minyak Shell defendan kepada plaintif sepenuhnya termasuk kuncinya. Sebagai balasan bagi perjanjian pelaburan tersebut dan menurut kl. 2.2 perjanjian pelaburan tersebut, plaintif dikehendaki membayar kepada defendan seperti berikut:

(i) Pembayaran berjumlah RM369,646.20 kepada Shell sebagai bayaran tertunggak bagi minyak petrol;

(ii) Pembayaran berjumlah RM377,559 kepada Shell untuk bekalan petrol semasa;

(iii) Jaminan bank berjumlah RM80,000 menurut syarat Shell; dan

(iv) Pembayaran RM15,000 kepada Shell sebagai deposit bagi Select Shop.

[25] Plaintif cuma membayar RM369,646.20 kepada Shell untuk tunggakan harga minyak petrol dan RM174,910.83 untuk bekalan petrol semasa. Sementara itu, pembayaran-pembayaran yang dinyatakan di bawah kl. 2.2 perjanjian pelaburan tersebut tidak dipatuhi plaintif. Keseluruhan Stesyen Minyak Shell defendan diserah kepada plaintif dan bermula dari tarikh penyerahan tersebut, plaintif telah mengambil alih sepenuhnya pengawalan dan operasi Stesyen Minyak Shell tersebut termasuk menggaji kakitangan baru dan juga melantik dan membayar gaji kepada kakitangan tersebut. Semua kata laluan (password) perbankan internet, Maybank, CIMB dan Ambank diserahkan sepenuhnya kepada plaintif. Defendan hanya dikehendaki menandatangani cek-cek kosong untuk urusan Stesyen Minyak Shell defendan yang diambil alih oleh plaintif. Plaintif juga bersetuju untuk membayar elaun berjumlah RM1,500 sebulan kepada DW1.

[26] Selepas Stesyen Minyak Shell defendan diserahkan kepada plaintif, defendan mendapati plaintif telah gagal menguruskannya dengan baik sehingga menyebabkan defendan mendapat teguran dan amaran daripada Encik Soo Siew Wai selaku wakil Shell yang mengawasi kawasan tersebut ketika membuat lawatan ke Stesyen Minyak Shell defendan. Hasil lawatan tersebut, satu surat telah dikeluarkan kepada defendan oleh Shell di mana defendan telah diberi amaran bahawa terdapatnya insiden kemungkiran terma-terma di bawah RELA (ms. 71-72 Dokumen "B2"). Surat tersebut juga memberi tempoh bagi defendan mengambil tindakan untuk meremedi kemungkiran tersebut.

[27] Pihak Shell menyatakan kebimbangannya mengenai keadaan tidak terurus di Stesyen Minyak Shell defendan. Melalui surat bertarikh 15 Disember 2008 tersebut (ms. 71-72 Dokumen "B2"), defendan telah diarahkan untuk membayar RM20,000 sebagai deposit tambahan di samping dikehendaki menyuntik RM415,000 ke dalam akaun defendan sebagai modal perniagaan. Di samping itu, defendan juga dikehendaki memenuhi tangki di bawah tanah dan juga membeli kesemua minyak pelincir. Surat tersebut diselit dengan amaran daripada Shell untuk menamatkan RELA jika arahan melalui surat tersebut tidak diperbaiki oleh defendan pada/atau sebelum 31 Disember 2008.

[28] Defendan menyatakan beliau ada menyerahkan surat amaran tersebut kepada plaintif, namun plaintif tidak melakukan apa-apa bagi mematuhi arahan Shell melalui surat tersebut. Atas tindakan plaintif mengabaikan permintaan defendan tersebut, defendan telah berjumpa dengan Encik Soo Siew Wai bagi menyelesaikan masalah yang dihadapi. Defendan mengambil tindakan untuk menamatkan RELA melalui persetujuan bersama melalui surat bertarikh 22 Disember 2008 (ms. 74 Dokumen "B2").

[29] Selanjutnya defendan menerima notis daripada plaintif bagi menamatkan perjanjian pelaburan tersebut dan menuntut bayaran sebagaimana tercatat dalam perenggan 12 dan 13 pernyataan tuntutan.

[30] Defendan mendakwa plaintif tidak berhak ke atas apa-apa jumlah yang dituntut kerana plaintif sendiri yang memungkiri terma-terma di bawah perjanjian pelaburan tersebut. Defendan mengakui ada mengeluarkan wang berjumlah RM69,051.53 bagi membayar kepada pembekal yang tidak dibayar oleh plaintif kerana stesyen minyak defendan masih dilesenkan atas nama defendan.

Soal Balas

[31] Defendan mengakui mengalami masalah kewangan sejak tahun 2008 dan juga ada berjumpa dengan PW1 bagi meminta bantuan daripada PW1 bagi menyelesaikan masalah yang dihadapinya. Defendan juga mengakui ada berjumpa dengan PW1 bagi membincangkan cara menyelesaikan masalah kewangan yang dihadapinya dan menerima cadangan balas daripada PW1 untuk membeli stesyen minyak defendan. Oleh kerana defendan terdesak, beliau telah bersetuju dengan cadangan PW1 tersebut. Defendan juga menerima perjanjian pelaburan tersebut dan menandatanganinya. Defendan mengakui faham kandungan perjanjian pelaburan tersebut. Defendan juga bersetuju bahawa di bawah RELA beliau tidak boleh menyerahhakkan kepada pihak lain tanpa kebenaran Shell.

[32] Berhubung dengan pembayaran bagi perjanjian pelaburan tersebut walaupun disoal dengan bertubi-tubi, defendan mengekalkan versi keterangan dalam pemeriksaan awalnya. Defendan menafikan plaintif ada membuat pembayaran RM3,337.05 bagi bil elektrik dan telefon dan juga RM16,358.40 dibayar sebagai pembayaran utiliti. Defendan juga menafikan

sejumlah RM72,460.74 dibayar kepada pembekal dan sejumlah RM305,000 pula dibayar kepada Ah Long. Sehingga Ogos 2008, defendan juga masih mengurus tempahan minyak Shell daripada Shell untuk operasi yang dijalankan oleh plaintif kerana lesen bagi perniagaan di Stesyen Minyak Shell defendan masih di atas nama defendan. RELA juga memperuntukkan hanya pihak yang di atas namanya lesen dikeluarkan boleh bertransaksi dengan Shell.

[33] Defendan juga mengakui walaupun perjanjian pelaburan tersebut bertentangan dengan RELA beliau meneruskan dengan perjanjian pelaburan tersebut kerana memerlukan hutangnya di bawah RELA dibayar oleh plaintif. Defendan juga menyatakan jika perkara ini diketahui Shell, perjanjian defendan dengan Shell di bawah RELA akan ditamatkan. Defendan menyatakan walaupun perjanjian pelaburan tersebut membawa kesan kepada penjualan operasi perniagaannya, beliau masih terlibat dengan operasi memandangkan lesen bagi perniagaan minyak Petrol Shell tersebut masih di atas namanya. Surat amaran yang diterima daripada Shell juga telah diserahkan kepada plaintif untuk tindakan. Namun, plaintif mengabaikannya. Ini telah mengakibatkan defendan menamatkan RELA tersebut.

[34] Defendan menafikan menerima wang yang dicadangkan peguam bela plaintif yang bijaksana dan mengesahkan defendan hanya menerima sejumlah wang yang dinyatakan dalam pemeriksaan awal. Defendan menafikan telah menyebabkan plaintif mengalami kerugian berjumlah RM971,119.67.

Isu-Isu Yang Dibangkitkan Dalam Penghujahan

Oleh Plaintif

[35] Peguambela plaintif yang bijaksana telah membangkitkan isu-isu berikut bagi membuktikan kepada mahkamah atas imbangan kebarangkalian plaintif berhak ke atas tuntutannya iaitu:

(i) Pihak-pihak kepada perjanjian pelaburan tersebut iaitu PW1 dan DW1 telah menandatangani perjanjian tersebut dan faham kandungannya. Maka pihak-pihak terikat dengan perjanjian pelaburan tersebut.

(ii) PW1 telah mengesahkan ada membuat pembayaran berjumlah RM971,119.67 dan defendan sendiri mengakui dalam keterangannya bahawa wang sejumlah RM369,646.02 dan RM174,910.83 telah dibayar oleh plaintif. Defendan juga

A mengakui plaintif ada membuat pembayaran bagi sebahagian bayaran utiliti kepada pembekal. Plaintif juga telah membuat bayaran berjumlah RM7,500 dalam akaun simpanan tetap defendan dengan Ambank dan juga bayaran hutang defendan berjumlah RM305,000 kepada Ah Long.

B

(iii) PW2 selaku pengarah plaintif juga mengakui telah memasukkan wang ke dalam akaun defendan bagi membolehkan defendan membayar hutangnya (ms. 17-23 Dokumen "B2") dan juga bayaran secara tunai kepada Ah
C Long bernilai RM305,000. Bayaran dibuat di Stesyen Minyak Shell defendan (ms. 3-4 Dokumen "B3"). Perkara ini disokong dengan keterangan defendan bahawa pada masa relevan defendan mengalami masalah kewangan yang teruk.

D (iv) Plaintif meminta mahkamah mengambil judicial notice mengenai fakta peminjam tidak berlesen tidak mengeluarkan resit pembayaran dan juga tidak terdapat perjanjian bertulis mengenai pinjaman ini.

(v) Plaintif tidak mempunyai apa-apa pengetahuan mengenai
E kemungkiran terma-terma RELA oleh defendan dan juga perkara berhubung penamatan RELA kerana semua perkara ini tidak dibawa kepada pengetahuan plaintif oleh defendan. Apa-apa surat mengenai amaran oleh Shell dan juga penamatan oleh Shell tidak pernah disampaikan oleh
F defendan kepada plaintif.

(vi) Defendan mempunyai pengetahuan penuh jika RELA ditamatkan, perniagaan Stesyen Minyak Shell defendan di bawah perjanjian pelaburan tidak boleh diteruskan lagi dan ini
G menggagalkan tujuan asal perjanjian pelaburan tersebut yang ditandatangani oleh plaintif dan defendan.

(vii) Atas alasan ini, plaintif menyatakan bahawa plaintif berhak menuntut ganti rugi di bawah kl. 9.3 perjanjian pelaburan termasuk semua kerugian yang dialami oleh plaintif. Plaintif
H menuntut RM971,119.67 dari defendan. Plaintif juga menuntut RM69,051.53 yang merupakan baki dalam akaun bank defendan yang telah digunakan tanpa pengetahuan plaintif. Jumlah ini juga diakui oleh defendan.

I

(viii) Pembelaan defendan bahawa perjanjian pelaburan tersebut ialah suatu penyerahan hak tidak dapat dipertahankan kerana defendan telah gagal mematuhi peruntukan s. 4(3) Akta Undang-Undang Sivil 1956. Dalam kes ini tiada niat pihak-pihak kepada perjanjian pelaburan tersebut untuk mewujudkan suatu penyerahan hak sebagaimana yang didakwa oleh defendan. Dalam kes ini juga, defendan masih terlibat dalam urusan rasmi perniagaan, terutamanya defendan masih menandatangi cek, dan dibayar elaun RM1,500 sebulan. Begitu juga dengan urusan pembayaran SOCSO, EPF dan sebagainya. Fakta dalam kes ini menunjukkan perjanjian pelaburan tersebut bukan merupakan suatu penyerahan hak. Tidak terdapat elemen konspirasi bagi memaksa defendan menandatangani perjanjian pelaburan tersebut.

Isu-Isu Yang Dibangkitkan Oleh Defendan

[36] Bagi menangkas penghujahan plaintif, defendan membangkitkan perkara-perkara berikut:

(i) Defendan mencabar keesahan perjanjian pelaburan tersebut yang telah dimasukkan tanpa kelulusan Shell. Memandangkan tiada kebenaran bertulis daripada Shell, pihak-pihak kepada perjanjian pelaburan tersebut tidak boleh melaksanakan perjanjian pelaburan tersebut. Berdasarkan kepada kl. 5.2 dan 7.8 RELA dan s. 6 dan juga s. 7 AKP, jelas pihak-pihak tidak berhak untuk memasuki perjanjian pelaburan tersebut. Apa-apa permohonan baru bagi menjalankan operasi perniagaan Stesyen Minyak Shell tersebut ialah melalui permohonan baru yang hendaklah dibuat kepada Setiausaha Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna yang akan mengemukakan permohonan tersebut kepada YAB Perdana Menteri bagi kelulusan.

(ii) Berdasarkan ss. 6 dan 7 AKP, memindah hak atau membeli hak lesen petrol di bawah RELA tanpa kebenaran Shell dan pihak yang berkuasa merupakan suatu kesalahan di bawah undang-undang. Berdasarkan kepada perkara ini, perjanjian pelaburan tersebut bukan sahaja bercanggah dengan kl. 5.1 dan 7.8 RELA malah bercanggah dengan AKP dan undang-undang kecil yang dibuat di bawahnya. Oleh yang demikian

perjanjian pelaburan tersebut terbatal dan tidak boleh dikuatkuasakan kerana bertentangan dengan s. 24 Akta Kontrak 1950.

(iii) Perjanjian pelaburan tersebut merupakan hasrat plaintif bagi memintas RELA dan juga s. 6 dan 7 AKP.

(iv) Defendan menghujahkan bahawa sebaik sahaja perjanjian pelaburan ditandatangani, plaintif telah mengambil alih keseluruhan Stesyen Minyak Shell defendan dengan penyerahan secara fizikal keseluruhan operasi Stesyen Minyak Shell tersebut, pengambilalihan dokumentasi, akses kepada rekod, kata laluan, pekerja-pekerja defendan, akaun bank defendan dan sebagainya menyebabkan kuasa defendan ke atas Stesyen Minyak Shell tersebut sebenarnya beralih sepenuhnya kepada plaintif. Fakta ini diperkukuhkan dengan peruntukan kl. 2.2, 2.3 dan 2.4 perjanjian pelaburan tersebut di mana defendan dikehendaki menyerah hak semua receivables kepada plaintif. Sementara menurut kl. 2.5 perjanjian pelaburan tersebut, defendan dikehendaki menyerahkan kunci bagi Stesyen Minyak Shell defendan termasuk laluan dan/atau akses tanpa had dan sekatan Stesyen Minyak Shell defendan kepada plaintif dan juga semua bekalan, rekod pernyataan akaun dan maklumat berhubung perniagaan tersebut. Selaras dengan klausa perjanjian pelaburan tersebut, plaintif berhak melantik wakilnya bagi menjalankan, mengawal selia dan mengawasi perjalanan perniagaan dan juga memberi apa-apa nasihat mengenai operasi dan pengurusan Stesyen Minyak Shell defendan kepada defendan.

(v) Fakta juga menunjukkan plaintif telah melantik seorang pengurus baru dan juga PW2 bagi mengurus Stesyen Minyak Shell defendan. Fakta dan keterangan dengan jelas menunjukkan perjanjian pelaburan tersebut ialah suatu transaksi jual beli entiti perniagaan kepada plaintif atau suatu penyerahan hak secara mutlak dan/atau suatu penjualan kepada defendan. Perjanjian pelaburan ini sebagai suatu taktik tidak sah bagi memintas keperluan RELA dan AKP.

(vi) Plaintif gagal membuktikan kesnya. Dalam pernyataan tuntutan di perenggan 12 dan 13, plaintif menuntut wang pelaburan berjumlah RM1,354,005.20 dan penalti yang dipersetujui berjumlah RM1,354,005.20 dan RM69,051.93 bagi receivables.

(vii) Plaintif berlandaskan tuntutannya terhadap defendan atas kemungkiran di pihak defendan memenuhi obligasinya di bawah perjanjian pelaburan tersebut khususnya di bawah klausa 9.2. Plaintif gagal membuktikan tuntutannya di bawah perjanjian pelaburan tersebut. Jumlah yang cuba dibuktikan plaintif amat berbeza dengan yang diplid dalam perenggan 12 dan 13 pernyataan tuntutan. Plaintif juga gagal memberi penjelasan yang munasabah berkaitan perbezaan yang ketara ini. Malah plaintif gagal membuktikan jumlah yang dituntut, sama ada jumlah yang diplid atau jumlah yang dinyatakan dalam keterangannya di mahkamah. Plaintif juga gagal membuktikan melalui keterangan dokumentasi jumlah tuntutan plaintif adalah tepat dan disokong dengan bukti dokumentar.

(viii) Jelas di sini, plaintif sendiri melalui keterangan telah memungkiri terma-terma perjanjian pelaburan tersebut. Di atas keingkaran plaintif sendiri memecah terma-terma dalam perjanjian pelaburan tersebut, plaintif tidak berhak menuntut dari defendan bagi perkara-perkara yang diplid dalam perenggan 12 dan 13 perjanjian pelaburan tersebut.

(ix) Jelas, tuntutan plaintif merupakan suatu penindasan terhadap defendan kerana plaintif sebenarnya telah mengaut keuntungan lebih RM5 juta hasil menjalankan perniagaan Stesyen Minyak Shell defendan bagi tempoh lapan bulan.

(x) Plaintif merupakan pihak yang memungkiri perjanjian pelaburan kerana gagal membayar RM1,354,005.20 (kl. 2.2(a)) yang diperuntukan dalam perjanjian pelaburan tersebut. PW1 dalam keterangan juga mengakui hanya membayar RM174,910.83 daripada RM377,559 yang sewajarnya dibayar di bawah kl. 2.2(b) perjanjian pelaburan tersebut. Sementara itu plaintif gagal menyempurnakan peruntukan kl. 2.2(c) dan 2.2(d) perjanjian pelaburan tersebut. Keterangan juga menunjukkan plaintif telah gagal mengurus Stesyen Minyak Shell defendan dengan teratur dan baik sehingga menyebabkan pihak Shell menegur dan mengarahkan defendan meremedi kemungkiran dan ditambahkan lagi defendan dibebankan dengan syarat tambahan bagi pembayaran deposit jaminan tambahan berjumlah RM20,000 dan penyuntikan modal perniagaan (working capital) berjumlah RM415,000. Shell juga memberi

amaran untuk menamatkan RELA jika semua kemungkiran terma-terma yang dihuraikan dalam surat tersebut tidak dipatuhi. Jelas daripada keterangan di mahkamah semasa kemungkiran-kemungkiran ini berlaku Stesyen Minyak Shell defendan berada di bawah kawalan penuh dan dioperasi secara penuh oleh plaintif.

xi. Daripada keterangan di mahkamah, jelas plaintif hanya berminat untuk mengaut keuntungan tanpa menjaga dan mengurus Stesyen Minyak Shell defendan dengan baik. Oleh yang demikian plaintif tidak berhak kepada tuntutannya sebagaimana yang diplid dan/atau yang dinyatakan dalam keterangannya.

Dapatan Dan Penemuan Mahkamah

[37] Saya telah berpeluang untuk mendengar keterangan saksi-saksi plaintif iaitu PW1 dan PW2 dan keterangan defendan sendiri iaitu DW1 dan menimbang semua dokumen-dokumen yang relevan, yang dikemukakan semasa perbicaraan. Setelah saya membuat penilaian kepada keterangan saksi-saksi kedua-dua pihak dari segala sudut dan menilai dokumen-dokumen yang relevan saya mendapati plaintif telah gagal membuktikan kesnya terhadap defendan atas imbangan kebarangkalian.

Sama Ada Perjanjian Pelaburan Sah Dan Boleh Dikuatkuasakan

[38] Setelah meneliti pliding, keterangan testimonial dan dokumentari, nampaknya perjanjian pelaburan yang dimasuki oleh plaintif dan defendan bukanlah merupakan suatu perjanjian pelaburan biasa sebagaimana yang didakwa oleh plaintif. Transaksi tersebut melibatkan penyerahan sepenuhnya operasi dan pengurusan perniagaan Stesyen Minyak Shell defendan kepada plaintif seolah-olah lesen tersebut dan/atau kebenaran menurut s. 6(3) AKP yang dikeluarkan oleh Kementerian Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna atas nama plaintif. Peranan defendan hanya melakukan perkara-perkara yang tidak boleh dilakukan oleh plaintif kerana lesen dan/atau kebenaran untuk menjalankan perniagaan tersebut ialah di atas nama defendan sendiri. Untuk tujuan itu, defendan dibayar elaun berjumlah RM1,500 satu bulan. Perkara-perkara yang dilakukan defendan khususnya ialah hanya perkara-perkara yang melibatkan urusan dengan Shell di bawah RELA bagi membolehkan Stesyen Minyak Shell defendan dapat dioperasi oleh plaintif tanpa gangguan.

[39] Kalau ditinjau kl. 2.5 perjanjian pelaburan tersebut, defendan dikehendaki menyerahkan kunci Stesyen Minyak Shell defendan dan memberi akses penuh dan/atau tanpa sekatan termasuk penyerahan secara fizikal semua rekod pernyata kewangan dan maklumat mengenai perniagaan kepada plaintif. Selaras dengan kl. 2.6 perjanjian pelaburan tersebut, plaintif berhak untuk melantik wakilnya untuk menjalankan operasi Stesyen Minyak Shell defendan termasuk mengawasi, menyelia dan mengurus perjalanan perniagaan di lokasi tersebut. PW1 juga dalam keterangannya bersetuju seorang pengurus baru pilihan plaintif telah dipertugaskan PW1 di lokasi Stesyen Minyak Shell defendan.

[40] Daripada pembacaan klausa-klausa dalam perjanjian pelaburan tersebut nampaknya plaintif telah mengambil alih operasi Stesyen Minyak Shell tersebut secara mutlak daripada defendan. Oleh yang demikian melalui tindakan plaintif dan defendan di sini pada penghematan saya wujudnya suatu penyerahan hak defendan di bawah RELA kepada plaintif.

[41] Kedua-dua plaintif dan defendan merupakan pihak yang dilesenkan melalui RELA bagi menjalankan operasi Stesyen Minyak Shell masing-masing, plaintif di Lebuhraya Kuala Lumpur-Seremban dan defendan di Bandar Sri Permaisuri, Cheras. Kedua-dua pihak memang faham peruntukan dalam RELA melarang sama sekali pihak yang kepadanya lesen dan/atau kebenaran menurut s. 6(3) AKP, mencagar, menjual, atau melupuskan premis atau tapak atau peralatan yang berada di atas tapak di mana Stesyen Minyak Shell berada kepada mana-mana pihak tanpa kebenaran secara bertulis daripada Shell. Sementara itu kl. 7.8 RELA melarang sama sekali pihak yang kepadanya lesen dan/atau kebenaran diberi untuk menyerah hak, menyewa kecil atau memberi lesen kecil, lesen yang dikeluarkan atas namanya kepada mana-mana pihak lain tanpa kebenaran bertulis Shell. Melalui keterangan di mahkamah tiada kebenaran bertulis dikeluarkan oleh Shell kepada defendan bagi defendan menyerah hak lesen dan/atau kebenaran yang dikeluarkan itu kepada plaintif seperti yang termaktub dalam perjanjian pelaburan tersebut.

[42] Apa yang dilakukan oleh pihak-pihak dalam perjanjian pelaburan tersebut juga bercanggah dengan peruntukan s. 6 AKP yang memperuntukkan seperti berikut:

> 6. Prime Minister's permission required for downstream operations.

A (1) Notwithstanding the provisions of any other written law, no business of processing or refining of petroleum or manufacturing of petro-chemical products from petroleum, may be carried out by any person other than PETRONAS unless there is in respect of any such business a permission given by the Prime Minister.

B (2) ... tidak berkaitan ...

(3) Subsection (1) shall apply to any business of marketing or distributing of petroleum or petro-chemical products; and any person who on the commencement of this C subsection is carrying on any such business may continue to do so but shall, not later than six months from the date of commencement of this subsection, apply in writing to the Prime Minister for his permission referred to in subsection (1).

D **[43]** Sekiranya peruntukan s. 6 AKP diteliti, mana-mana orang yang hendak menjalankan perniagaan untuk memasarkan atau mengedar petroleum atau produk petro-kimia hendaklah mendapat kelulusan dan atau kebenaran bertulis daripada YAB Perdana E Menteri.

[44] Seksyen 6(5) AKP pula memperuntukkan mana-mana orang yang melanggar s. 6(3) AKP dan/atau gagal mematuhi apa-apa terma atau syarat yang diberi berkaitan sesuatu kelulusan dan/atau kebenaran di bawah s. 6 melakukan kesalahan dan jika disabitkan F kesalahan boleh dikenakan hukuman denda tidak melebihi satu juta ringgit atau pemenjaraan bagi suatu tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya. Jika kesalahan ini berterusan pesalah hendaklah dikenakan denda tambahan tidak melebihi RM100,000 setiap hari. Semua peralatan, bangunan, mesin, harta-harta lain, G plant dan petroleum dan produknya juga boleh dirampas.

[45] Sementara itu s. 7 AKP pula memperuntukkan:

7. Power to make regulations.

H The Prime Minister may make regulations for the purpose of carrying into effect the provisions of this Act, in particular, provide for:

(a) The conduct of or carrying on of:

I i. Any business or service relating to the exploration, exploitation, winning or obtaining of petroleum;

ii. Any business involving the manufacture and supply of equipment used in petroleum industry;

iii. downstream activities and development relating to petroleum;

(b) the marketing and distribution of petroleum and its products;

(c) ... (provision on penalty) ...

(d) ... (provision on forfeiture) ...

[46] Daripada bacaan peruntukan di atas dan sebagaimana yang telah saya nyatakan dalam perenggan yang terdahulu adalah jelas apa yang dilakukan dalam perjanjian pelaburan tersebut tidak hanya bercanggah dengan RELA tetapi juga bertentangan dengan ss. 6 dan 7 AKP. Apa-apa permohonan kebenaran dan/atau lesen bagi tujuan pemasaran dan pengedaran minyak petrol jenis Shell ini hendaklah dibuat kepada Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna yang kemudiannya akan memajukannya kepada YAB Perdana Menteri untuk kelulusan. Pemindahan, penyerahan hak, penjualan atau apa-apa transaksi yang menyebabkan lesen bertukar tangan daripada pemilik asal kepada suatu pihak lain seperti dalam kes ini tidak hanya dilarang oleh AKP malah perbuatan itu disifatkan sebagai suatu kesalahan di bawah AKP dan juga peraturan yang dibuat di bawahnya.

[47] Oleh yang demikian perjanjian pelaburan tersebut bercanggah dengan peruntukan nyata di bawah undang-undang dan juga RELA. perjanjian pelaburan tersebut juga bertentangan dengan s. 24 Akta Kontrak 1950(a), (b) dan (c) kerana bagi tujuan perjanjian pelaburan tersebut wujudnya balasan yang dilarang oleh undang-undang dan/atau balasannya dalam bentuk, jika dibenarkan, akan menggagalkan objek undang-undang dan juga bertentangan dengan polisi awam. Berdasarkan kepada perkara-perkara yang saya huraikan sebelum ini, perjanjian pelaburan tersebut menepati perkara-perkara yang dilarang di bawah s. 24 Akta Kontrak 1950.

[48] Secara keseluruhannya dengan memasuki perjanjian pelaburan tersebut, plaintif telah mengambil jalan mudah bagi memintas keperluan di bawah RELA dan juga AKP. Kontrak yang dilarang oleh undang-undang yang mencabuli peruntukan s. 24 Akta Kontrak 1950 tidak sewajarnya diberi kesan oleh mahkamah ini.

A Dalam kes *Chung Khiaw Bank Ltd v. Hotel Rasa Sayang Sdn Bhd & Anor* [1990] 1 CLJ 675; [1990] 1 CLJ (Rep) 57, Mahkamah Agung memutuskan sebagai prinsip am pembuatan sesuatu kontrak yang bertentangan dan/atau berlawanan dengan peruntukan undang-undang sama ada secara jelas atau tersirat hendaklah
B terbatal dan tidak boleh dikuatkuasakan kecuali jika kontrak itu diselamatkan oleh undang-undang itu sendiri atau wujudnya niat berlawanan yang boleh secara munasabah disimpulkan daripada peruntukan jelas undang-undang itu. Mahkamah Agung dalam kes yang disebut terdahulu daripada ini menegaskan seperti berikut:

C

> [3] As a general principle, a contract, the making of which is prohibited by statute or by implication, shall be void and unenforceable unless the statute itself saves the contract or there are contrary intentions which can reasonably be read from the language of the statute itself.

D

> [5] However, the Courts in this country are bound by the provision of section 24 of the Contracts Act 1950 which *inter-alia* deals with what is forbidden or prohibited by law. Section 24 is explicit and must be applied by the Courts.

E **[49]** Sementara itu dalam kes *Sababumi (Sandakan) Sdn Bhd v. Datuk Yap Pak Leong* [1998] 3 CLJ 503 yang melibatkan suatu perjanjian penyerahan hak lesen perjudian yang telah dibatalkan oleh Mahkamah Persekutuan kerana bertentangan dengan Pool Betting Act 1967, mahkamah itu menyatakan:

F

> [2a] In any case, condition 23 prohibits the assignment or transfer of rights as provided in the licence. In the present case the breach has taken place in that the 1987 agreement has purportedly assigned wholly or partly of the rights of the said Turf Club granted by the Federal licence. As the licence
G was granted under s. 5 of the Pool Betting Act 1967, a breach of any conditions would be an offence and punishable under s. 21 of the said Act. In the result this has the effect of directly offending s. 24(a) of the Contracts Act 1950.

H **[50]** Dalam kes *Mustafa Osman v. Lee Chua (P)* [1996] 3 CLJ 494 mahkamah telah memutuskan bahawa suatu perjanjian penyewaan dan/atau penyerahan hak yang dibuat bertentangan dengan Akta Hakmilik Kanun Tanah Negara (Pulau Pinang &

I

Melaka) 1963 sebagai tidak sah kerana bertentangan dengan peruntukan jelas Akta tersebut. Dalam penghakimannya Mahkamah Rayuan menyatakan:

> [1] The tenancy agreement was clearly caught by the prohibition in s. 108 and it is illegal and void *ab initio*. Illegality, however, need not be specifically pleaded, and once it is brought to the attention of the Court, the Court upon being satisfied that the transaction is indeed illegal, is obliged to act upon it.

[51] Berdasarkan kepada nas undang-undang yang mantap sebagaimana yang saya huraikan ini adalah jelas perjanjian pelaburan tersebut yang dilarang oleh AKP dan juga RELA adalah tidak sah, terbatal dan tidak sewajarnya dikuatkuasakan oleh mahkamah ini. Di atas alasan ini sahaja saya berpendapat tuntutan plaintif ini hendaklah ditolak oleh mahkamah ini.

Samada Perjanjian Pelaburan Merupakan Suatu Penyerahan Hak Mutlak Dan Atau Penjualan Terus Stesyen Minyak Shell Kepada Plaintif

[52] Berhubung dengan penyerahan Stesyen Minyak Shell oleh defendan untuk dikendalikan oleh plaintif pula berbangkit isu sama ada daripada fakta kes yang saya huraikan dalam perenggan terdahulu daripada ini wujudnya suatu penyerahan hak secara mutlak dan/atau suatu penjualan terus Stesyen Minyak Shell tersebut daripada defendan kepada plaintif. Pembacaan kl. 2.2, 2.3, 2.4, 2.5 dan 2.6 perjanjian pelaburan tersebut amat jelas di sini dalam realitinya perjanjian pelaburan tersebut merupakan suatu penjualan atau penyerahan hak mutlak Stesyen Minyak Shell tersebut daripada defendan kepada plaintif. Fakta yang dirungkai dalam perbicaraan menunjukkan keseluruhan Stesyen Minyak Shell defendan diambil alih pentabirannya dan perjalanan pengurusan juga diambil alih sepenuhnya oleh plaintif dan/atau wakil sah plaintif. Kunci Stesyen Minyak Shell tersebut dan akses tanpa had kepada Stesyen Minyak Shell tersebut secara fizikal diserahkan sepenuhnya kepada plaintif. Semua peralatan dan barangan juga diserahkan kepada plaintif untuk diurus. Daripada fakta kes ini adalah jelas dan tidak dapat dipertikaikan lagi perjanjian pelaburan tersebut merupakan suatu penyerahan hak secara mutlak dan/atau penjualan terus Stesyen Minyak Shell tersebut daripada defendan kepada plaintif di mana kepentingan yang diserahhakkan telah

berpindah tangan tanpa syarat daripada defendan kepada plaintif. Kepentingan itu telah dialihkan dan diletakkan di bawah kawalan dan pengawasan sepenuh plaintif.

[53] Dalam kes *Khaw Poh Chhuan v. Ng Gaik Peng (f) & Yap Wan Chuan & 9 Ors* [1996] 2 CLJ 185 Mahkamah Persekutuan telah menurunkan ujian bagi penentuan sama ada wujudnya suatu penyerahan hak secara mutlak seperti yang berikut:

> [1] The test of an absolute assignment should normally be whether the interest as claimed had been transferred unconditionally to the assignee and placed completely under the assignee's control. A fair reading of clause 1 of the agreement dated 1 April 1964 leads to the conclusion that such interests and rights as sold, transferred and assigned by the assignor, pass absolutely under this clause, and that the pasing of such interests are not dependent on other terms of that agreement.

[54] Dalam kes *Khaw Poh Chhuan v. Ng Gaik Peng (f) & Yap Wan Chuan & 9 Ors* (*supra*), juga Mahkamah Persekutuan menegaskan pematuhan kepada s. 4(3) Akta Undang-Undang Sivil 1956 bukan merupakan pra-syarat bagi keesahan sesuatu penyerahan hak. Mahkamah Persekutuan menyatakan:

> [3] Since the assignment is absolute and in writing, since notice of the assignment had been given to the debtors, there was due compliance with s. 4(3) of the Civil Law Act. Be that as it may, compliance with s. 4(3) is not a prerequisite to the validity of an assignment, which is to be determined in the usual ways.
>
> Even without complying with s. 4(3), ie, without notice of assignment to such debtors, the assignment would have been valid in equity against the assignor. Section 4(3) has not altered the law of assignment but merely made it easier for the assignee in one aspect, in that the assignee can sue in his own name without sometimes having to borrow the name of the assignor, or to join the assignor as co-defendant if the assignor is uncooperative.

[55] Dalam kes *Arab-Malaysian Merchant Bank Berhad v. Boustead Trading (1985) Sdn Bhd* [1993] 1 LNS 11, mahkamah menyatakan penyerahan hak yang tidak mematuhi s. 4(3) Akta Undang-Undang Sivil 1956 tetap sah daripada segi ekuiti, dengan syarat terdapat niat yang jelas dan juga wujudnya nilai yang diberi. Selanjutnya ditegaskan lagi penyerahan hak itu tidak semestinya dibuat secara bertulis.

[56] Namun dalam kes ini, mahupun terdapat sesuatu penyerahan hak Stesyen Minyak Shell defendan kepada plaintif, penyerahan hak itu tidak sah dan tidak dapat dikuatkuasakan atas alasan yang telah saya huraikan dalam perenggan 38 hingga 51.

Sama Ada Terdapat Kemungkiran Terma Perjanjian Pelaburan Oleh Plaintif

[57] Walau apa pun yang saya nyatakan di atas sekiranya saya khilaf dalam menghayati peruntukan undang-undang sebagaimana yang telah saya huraikan di atas, saya juga berpendapat bahawa berdasarkan keterangan yang dikemukakan di mahkamah ini sama ada testimonial atau dokumentar saya mendapati plaintif selaku pihak kepada perjanjian pelaburan tersebut tidak datang ke mahkamah "with clean hands" kerana jelas di sini plaintif sendiri tidak mematuhi obligasinya di bawah perjanjian pelaburan tersebut. Dalam perenggan 12 dan 13 pernyataan tuntutan, plaintif menuntut jumlah pelaburan bernilai RM1,354,005.20, ganti rugi yang ditentukan menurut kl. 9.3 perjanjian pelaburan tersebut berjumlah RM1,354,005.20 dan juga RM69,051.93 bagi receivables. Alasan bagi tuntutan ini ialah kerana defendan telah memungkiri terma-terma perjanjian pelaburan tersebut khususnya kl. 9 iaitu klausa mengenai penamatan jika berlaku insiden kemungkiran obligasi di bawah perjanjian pelaburan tersebut menurut kl. 9.2(d), (f) dan juga (g).

[58] Amat ketara di sini bahawa jumlah pelaburan (investment sum) di bawah perjanjian pelaburan tersebut ialah RM1,354,005.20 namun plaintif mengakui hanya membayar RM971,119.67 sahaja kepada defendan. Jumlah ini juga bercanggah dengan perkara yang diplid plaintif dalam perenggan 12 dan 13 pernyataan tuntutan. Plaintif juga gagal menunjukkan melalui keterangan dokumentar bahawa jumlah sebanyak RM971,119.67 telah dibayar kepada defendan.

[59] Kegagalan plaintif menyelesaikan jumlah pelaburan bernilai RM1,354,005.20 kepada defendan dengan jelas menunjukkan plaintif sendiri telah memungkiri obligasinya di bawah perjanjian pelaburan.

[60] Selanjutnya saya juga berpuas hati dalam kes ini bahawa plaintif telah melakukan beberapa pelanggaran obligasi di bawah perjanjian pelaburan tersebut di mana plaintif gagal menjalankan operasi Stesyen Minyak Shell defendan di lokasi tersebut dengan baik sehingga menyebabkan pihak Shell membuat teguran dan

amaran. Jelas semasa surat bertarikh 15 Disember 2008 diterima oleh defendan Stesyen Minyak Shell tersebut berada di bawah pengawasan dan pengawalan penuh plaintif.

[61] Selepas Stesyen Minyak Shell defendan diserahkan kepada plaintif, plaintif telah gagal menguruskannya dengan baik sehingga menyebabkan defendan mendapat teguran dan amaran daripada wakil Shell yang membuat lawatan ke Stesyen Minyak Shell tersebut. Sehubungan dengan itu, suatu surat telah dikeluarkan kepada defendan bagi memberi amaran kepada defendan mengenai insiden kemungkiran terma-terma di bawah RELA (ms. 71-72 Dokumen "B2"). Surat tersebut juga memberi tempoh bagi defendan mengambil tindakan untuk meremedi situasi kemungkiran tersebut.

[62] Melalui surat bertarikh 15 Disember 2008 tersebut (ms. 71-72 Dokumen "B2"), defendan telah diarahkan oleh Shell untuk membayar RM20,000 sebagai deposit tambahan di samping defendan dikehendaki menyuntik RM415,000 ke dalam akaun defendan sebagai modal perniagaan. Di samping itu, defendan juga dikehendaki memenuhi tangki di bawah tanah dan juga membeli kesemua minyak pelincir. Surat tersebut diselit dengan amaran daripada Shell untuk menamatkan RELA jika arahan melalui surat tersebut tidak diperbaiki dan/atau dipatuhi defendan pada/atau sebelum 31 Disember 2008. Terdapat juga gambar-gambar yang disertakan dengan surat Shell tersebut yang membuktikan kebenaran kandungan surat 15 Disember 2008 daripada Shell.

[63] Kemungkiran plaintif memulihkan atau meremedi teguran Shell dengan jelas menunjukkan plaintif sendiri yang memungkiri perjanjian pelaburan tersebut. Dakwaan plaintif bahawa plaintif tidak mengetahui mengenai lawatan Encik Soo Siew Wai dan tegurannya tidak dapat diterima mahkamah kerana tidak mungkin Stesyen Minyak Shell yang berada di bawah kawalan penuh plaintif tidak tahu mengenai lawatan Encik Soo Siew Wai tersebut. Dalam kes ini plaintif bukanlah pihak yang baru menceburi perniagaan stesyen minyak Shell bagi menyatakan tidak mengetahui syarat-syarat RELA kerana beliau sendiri mempunyai stesyen minyak sendiri dan telah menandatangani RELA dengan Shell dan mempunyai pengetahuan penuh mengenai obligasi pihak yang diberi lesen di bawah RELA. Dengan melihat keadaan fizikal dan status barangan di stesyen minyak itu sendiri sudah cukup bagi usahawan

seperti PW1 mengetahui terma-terma RELA telah dicabuli. Tindakan plaintif juga telah menyebabkan RELA di antara defendan dan Shell ditamatkan. A

[64] Dalam fakta kes di hadapan saya, plaintif yang meminta mahkamah membuat penghakiman memihak kepada beliau tidak sewajarnya dibenarkan mengambil peluang daripada keingkarannya sendiri. Plaintif hendaklah datang dengan tangan yang bersih (plaintiff must come to the court with clean hands) dan tidak sewajarnya diberi muka untuk mengambil peluang daripada keingkarannya. Prinsip undang-undang asas ini telah diputuskan dalam kes *Pentadbir Tanah Daerah Petaling v. Swee Lin Sdn Bhd* [1999] 3 CLJ 577. Prinsip yang sama juga diputuskan dalam kes *Tahan Steel Corporation Sdn Bhd v. Bank Islam Malaysia Berhad* [2012] 1 CLJ 959 di mana diputuskan pihak tidak boleh dibenarkan untuk mengambil faedah daripada kesalahannya sendiri. B C D

Samada Plaintif Berhak Kepada Ganti Rugi

[65] Berhubung dengan isu mengenai ganti rugi, undang-undang memerlukan plaintif membuktikan kerugiannya di mahkamah dan tidak hanya cukup bagi plaintif menyebut atau menyatakan plaintif mengalami kerugian tanpa membuktikan kerugian sebenarnya melalui keterangan dokumentar atau keterangan saksi. Diperturunkan satu *dictum* klasik yang digariskan oleh Lord Goddard dalam kes *Bonham-Carter v. Hyde Park Hotel* [1948] WN 89 yang telah ribuan kali dipetik oleh mahkamah-mahkamah Malaysia seperti berikut: E F

> Plaintiff must understand that if they bring actions for damages it is for them to prove their damages; it is not enough to write down the particulars, and so to speak, throw them at the head of the court, saying, "This is what I have lost, I ask you to give me these damages". They have to prove it. G

(Lihat juga kes *Kapt (B) Mohamad Ismail lwn. Perwira Affin Bank Bhd* [1999] 4 CLJ 199; *Sunlite Textile Sdn Bhd v. Motilal Realty Sdn Bhd* [2008] 7 CLJ 97; *Letrik Bandar Hup Heng Sdn Bhd v. Wong Sai Hong* [2002] 5 CLJ 170). H

[66] Secara keseluruhannya plaintif telah gagal membukti plaintif berhak bagi ganti rugi yang dipohon dalam pernyataan tuntutannya. I

Jawapan Kepada Isu-Isu Yang Dikemukakan

[67] Berdasarkan kepada perkara yang saya nyatakan terdahulu daripada ini, isu-isu yang dikemukakan untuk keputusan mahkamah hendaklah dijawab seperti berikut:

(i) Sama ada defendan ialah pihak yang meminta plaintif untuk melabur dalam perniagaan defendan untuk tujuan meningkatkan prestasi perniagaan defendan;
- Tidak.

(ii) Sama ada terma-terma Shell Retailer Licence Agreement bertarikh 1 Januari 2007 di antara pihak Shell dan pihak defendan membenarkan defendan menyerah hak dan, melesenkan kepada mana-mana pihak tanpa kelulusan bertulis pihak Shell;
- Tidak.

(iii) Sama ada plaintif diberi kuasa dan berhak mengambil alih pengurusan dan operasi Stesyen Minyak Shell secara unilateral ataupun secara persetujuan daripada milikan defendan tersebut menurut perjanjian defendan dengan pihak Shell;
- Tidak. Di bawah RELA persetujuan Shell diperlukan.

(iv) Walaupun plaintif tidak mempunyai pengetahuan mengenai surat bertarikh 15 Disember 2008 daripada Shell kepada defendan, sama ada dakwaan-dakwaan mengenai pelanggaran syarat-syarat berkenaan dengan pengurusan dan operasi Stesyen Minyak Shell di bawah milikan defendan adalah benar;
- Benar. Plaintif sendiri selaku pengusaha Stesyen Minyak Shell maklum mengenai keperluan RELA.

(v) Sama ada defendan telah mengambil langkah atau tindakan untuk memohon dan/atau memperbaharui kelulusan di bawah No. PDA 024079 bertarikh 5 Februari 2004 untuk mengekalkan perniagaan stesyen minyak secara sempurna;
- Tidak.

(vi) Sama ada plaintif berhak membatalkan perjanjian pelaburan tersebut serta-merta melalui notis kepada defendan akibat daripada kegagalan defendan mengambil langkah atau tindakan untuk memohon dan/atau memperbaharui kelulusan di bawah No. PDA 024079 bertarikh 5 Februari 2004 tersebut;

- Tidak. Plaintif sendiri telah mengingkari terma-terma di bawah perjanjian pelaburan.

(vii) Sama ada wang sebanyak RM69,041.53 dikeluarkan oleh defendan tanpa mengakur kepada terma-terma kl. 2.4 dan kl. 5.2 (a) dalam perjanjian pelaburan adalah digunakan untuk membayar pembekal-pembekal perniagaan Stesyen Minyak Shell;
- Tidak dibuktikan.

(viii) Sama ada plaintif berhak menuntut kembali terhadap defendan keseluruhan wang pelaburan berjumlah RM1,354,005.20;
- Tidak. Keterangan plaintif sendiri menunjukkan jumlah ini tidak dibayar kepada defendan.

(ix) Sama ada plaintif berhak menuntut kembali terhadap defendan keseluruhan wang penalti berjumlah RM1,354,005.20;
- Sama seperti isu (viii) di atas.

(x) Akibat daripada persetujuan defendan berdasarkan kl. 2-4 dan kl. 5.2(a) perjanjian pelaburan, sama ada plaintif berhak untuk menerima kesemua jumlah penerimaan (receivables) dan manfaat yang diterima oleh defendan dalam perniagaannya di Stesyen Minyak Shell.
- Tidak, atas alasan perjanjian pelaburan tersebut terbatal, tidak sah dan tidak dapat dikuatkuasakan.

Kesimpulan

[68] Setelah mempertimbangkan pliding yang difailkan, keterangan yang dikemukakan oleh plaintif dan defendan, mendengar penghujahan kedua-dua peguam terpelajar dan setelah memberi pertimbangan yang serius dan berhati-hati mahkamah berpendapat plaintif telah gagal membuktikan kesnya atas imbangan kebarangkalian dan mahkamah dengan ini menolak tuntutan plaintif. Berhubung dengan kos, mahkamah juga memerintahkan agar kedua-dua belah pihak menanggung kos mereka masing-masing.